

NOTIS UMUM PENTING

Amanah Saham Nasional Berhad (“ASNBB”), selaku pengurus kepada **SKIM AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (“ASB”)** dan bagi pihak pemegang amanah, AmanahRaya Trustees Berhad (“Pemegang Amanah”), ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pihak **ASNB** telah mengenal pasti bahawa terdapat satu laman web yang dikendalikan oleh pihak tertentu iaitu <http://rahsiabuatduitasb.abgtutor> (“Laman Web”), yang menyalahgunakan nama dan logo **Skim Amanah Saham Bumiputera (“ASB”)** iaitu salah satu tabung unit amanah di bawah pengurusan **ASNB** untuk suatu “Program ASBpro”.

Program ASBpro tersebut kononnya menawarkan teknik pelaburan melalui simpanan **ASB** dengan pulangan terjamin. Faedah-faedah yang didapati daripada melabur di dalam Program ASBpro seperti mana yang tertera di dalam Laman Web tersebut adalah juga tidak berkaitan dengan pelaburan di dalam **ASB**. Logo **ASB** yang tertera di Laman Web tersebut juga telah digunakan tanpa kebenaran **ASNB**.

Sehubungan dengan itu, pihak **ASNB** ingin **MEMAKLUMKAN** kepada orang ramai bahawa Laman Web ini tidak diiktiraf dan ianya beroperasi tanpa pengetahuan dan kebenaran dari pihak Pemegang Amanah dan **ASNB**.

Pemegang Amanah dan **ASNB**, tidak mempunyai sebarang hubung kait dengan kenyataan, perwakilan dan penawaran yang tertera dalam Laman Web ini dan akan mengambil tindakan undang-undang terhadap pengendali Laman Web tersebut, sekiranya perlu. Dengan ini, orang ramai, **ADALAH DIMAKLUMKAN**, pihak Pemegang Amanah, **ASNB** dan ejen-ejennya yang dilantik tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang dialami oleh mana-mana pihak akibat daripada maklumat, kenyataan dan perwakilan dalam Laman Web ini.

Mana-mana pihak yang mempunyai pengetahuan tentang pengendalian Laman Web tersebut, sila hubungi **ASNB** di talian 03-2050 5162, pada waktu pejabat.

Amanah Saham Nasional Berhad
Pengurus
Skim Amanah Saham Bumiputera



Amanah Saham Nasional Berhad
(47457-V)

www.asnb.com.my